

TEKS UCAPAN

YANG BERUSAHA IR. MOHD HADZMIR BIN YUSOFF

KETUA PENGARAH

SEMPENA

PERHIMPUNAN LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

BIL.2/2026

24 APRIL 2026 (JUMAAT)

SALUTASI

Yang Berusaha Ir. Ts. Dr. Nadzrol Fadzilah binti Ahmad
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berusaha Ir. Ts. Husain bin Osman
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Lembaga Lebuhraya Malaysia

Yang Berusaha Puan Junaidah binti Jamni
Pengarah Kanan Pengurusan
Lembaga Lebuhraya Malaysia

Pengarah-pengarah Bahagian dan Wilayah,

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita dapat berhimpun bersama-sama pada pagi yang penuh bermakna ini sempena Perhimpunan LLM kali kedua pada tahun ini.

2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh warga LLM atas dedikasi, komitmen dan semangat kerja berpasukan yang berterusan dalam memastikan organisasi ini terus berfungsi dengan cemerlang.
3. Sesungguhnya, sejak saya diberikan amanah sebagai Ketua Pengarah pada 11 Februari 2026 yang lalu, dalam tempoh lebih dua bulan ini saya telah melihat sendiri keupayaan besar yang dimiliki oleh warga LLM.
4. Saya melihat sebuah organisasi yang mempunyai pengalaman, kepakaran teknikal, semangat kebersamaan serta keinginan tinggi untuk terus maju.
5. Saya yakin, jika kekuatan ini digembleng sepenuhnya, LLM mampu melangkah lebih jauh sebagai agensi yang dihormati, diyakini rakyat dan menjadi peneraju industri lebuhraya negara.

HALA TUJU STRATEGIK LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA DI BAWAH KEPIMPINAN KETUA PENGARAH BAHARU

Hadirin sekalian,

6. Saya dilantik bukan untuk sekadar memegang jawatan, tetapi untuk bersama-sama seluruh warga kerja membina legasi baharu LLM.
7. Dunia hari ini berubah dengan pantas. Cabaran ekonomi global, perubahan teknologi, tuntutan rakyat dan keperluan tadbir urus

moden menuntut kita bergerak lebih tangkas, lebih cekap dan lebih strategik.

8. Justeru, saya mahu LLM terus dipacu berteraskan budaya kerja berprestasi tinggi, berintegriti, pantas bertindak dan fokus kepada hasil.
9. Selaras dengan aspirasi semasa Perkhidmatan Awam, kita perlu menghayati semangat: **Mempercepat Pelaksanaan, Memperhebat Reformasi.**
10. Ini bermaksud setiap perancangan mesti diterjemahkan kepada tindakan. Setiap arahan mesti disusuli pelaksanaan. Setiap isu mesti diselesaikan dengan berkesan.
11. Sehubungan dengan itu, saya telah menetapkan beberapa hala tuju strategik sebagai penanda aras dalam memperkukuh peranan LLM dalam menerajui industri lebuh raya negara.

- i. **Pelaksanaan Projek-Projek Lebuh Raya Berimpak Tinggi**

Antara keutamaan saya ialah memastikan projek-projek lebuh raya berimpak tinggi di bawah Rancangan Malaysia Ke-12, Rancangan Malaysia Ke-13 dan Belanjawan Negara dilaksanakan mengikut jadual, berkualiti dan memberi manfaat nyata kepada rakyat.

Antara projek yang sedang dalam pembinaan dan dalam perancangan adalah:

Projek Dalam Pembinaan

- a. Projek Penyuraian Trafik Juru-Sungai Dua, Lebuhraya PLUS (Pakej 1) – **RMK 13**;
- b. Projek pembinaan lorong tambahan Lebuhraya PLUS Fasa 1 (Pakej A : Kulai ke Sedenak) – **RMK 12**;
- c. Projek pembinaan lorong tambahan Lebuhraya PLUS Fasa 1 (Pakej B : Senai (Utara) – Kulai) – **RMK 12**;
- d. Projek pembinaan lorong tambahan Lebuhraya PLUS Fasa 2 (Sedenak-Simpang Renggam) – **RMK 12**; dan
- e. Projek menaiktaraf Lebuhraya Senai Desaru (SDE) dari Jambatan Sungai Johor ke Sungai Semenchu – **RMK 12**
- f. Sambungan Lebuhraya Baru Pantai (NPE2)
- g. Projek Pelebaran Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak (KLK)

Projek Dalam Perancangan

- a. Pembinaan Lorong Tambahan Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) Fasa 3 : Simpang Renggam Ke Machap– **RMK 13**
- b. Pembinaan Lorong Tambahan Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) Fasa 4 : Machap Ke Ayer Hitam – **RMK 13**
- c. Projek Penyuraian Trafik Di Antara Juru dan Plaza Tol Sungai Dua, Pulau Pinang Di Lebuhraya Utara Selatan (Pakej 2, 3, 4 dan 5) – **RMK 13**
- d. Cadangan Projek Naiktaraf Lebuhraya Senai – Desaru (SDE) (Fasa 2A : Cahaya Baru (Km 42.90) – Sg Johor (Km 47.60) – **RMK 13**

Selain itu, terdapat juga beberapa cadangan lebuhraya baharu yang akan dilaksanakan secara konsep Kerjasama Awam Swasta sebagaimana berikut:-

- a. Lebuhraya West Ipoh Span Expressway (WISE)
- b. Lebuhraya Duta-Ulu Kelang Fasa 2A (DUKE FASA 2A) :
Jajaran Istana - Kiara (LIKE)
- c. PBE, KL NODE, SKYWAY, PBE, PINTAR, SKL, LPT 3

Penekanan akan diberikan kepada kecekapan pelaksanaan, pemantauan rapi serta pematuhan kepada spesifikasi dan standard yang ditetapkan agar setiap projek memberi impak maksimum kepada pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Dalam menghadapi ketidakpastian global seperti krisis Asia Barat, pemantauan kos, pengurusan risiko dan kecekapan rantai bekalan perlu dipertingkatkan bagi memastikan projek tidak terjejas dan boleh disiapkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

ii. **Inisiatif Baharu Perkhidmatan Lebuhraya**

Dalam masa yang sama, LLM perlu mempercepat agenda pendigitalan dan inovasi melalui penggunaan teknologi pintar seperti sistem trafik pintar, kecerdasan buatan (AI), analitik data dan automasi operasi, antaranya:

a. Pelaksanaan sistem *Multi Lane Fast Flow* (MLFF) bagi mengurangkan kesesakan dan meningkatkan kelancaran trafik;

- Pelaksanaan MLFF pada masa ini adalah berdasarkan kaedah pelaksanaan secara *Business to Business* (B2B) selaras dengan konsep penswastaan. Namun LLM akan berperanan selaku MLFF *Regulatory Body* atau MRB untuk memantau pelaksanaan ini.
- Pihak LLM sedang menyediakan *Business Rules* MLFF yang akan digunapakai oleh semua syarikat konsesi lebuh raya dalam membangunkan sistem tol MLFF mereka.
- Selaras dengan peranan MRB, pihak LLM akan melihat peluang bagi menjana pendapatan dari situ disamping memperkasakan peranan dan tanggungjawab LLM.

b. Pemasangan lampu jalan LED berkuasa solar sebagai langkah ke arah penggunaan tenaga lestari;

- Pihak LLM akan melaksanakan kerja pemasangan lampu jalan jenis *light-emitting diode* (LED) berkuasa solar di lokasi kerap berlaku kemalangan (blackspot) dan lokasi-lokasi yang mencatatkan mata pemberat

yang tinggi berdasarkan analisa kemalangan pada waktu malam.

- Selaras dengan itu, kita telah mengenalpasti sebanyak **32 lokasi dengan panjang 90.95KM** untuk pemasangan lampu jalan LED berkuasa solar iaitu sebanyak **3,000 tiang** lampu jalan akan di pasang di lokasi yang telah dimuktamadkan dengan kos sebanyak **RM 30 juta**.
- Lebuhraya yang terlibat bagi pemasangan lampu jalan tambahan ini ialah Lebuhraya PLUS (E1 dan E2), Lebuhraya Seremban-Port Dickson, Lebuhraya KL-Karak, Lebuhraya Pantai Timur 1 dan Lebuhraya Pantai Timur 2.
- Status terkini sehingga 16 April 2026 bagi kemajuan untuk projek ini adalah 23%, mendahului jadual (*ahead schedule*) sebanyak 3%.
- Projek ini juga telah disenaraikan dalam **Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA)** peringkat KKR dan juga dipantau oleh **Performance Acceleration Coordination Unit (PACU)**.
- Justeru, saya berharap bahagian yang terlibat iaitu Bahagian Mekanikal dan Elektrik (BME) dan Bahagian Pemantauan Operasi (BPO) akan sentiasa komited dalam memastikan projek ini berjaya dilaksanakan dengan dibantu pelaksanaan pemantauan di tapak

oleh Pejabat-pejabat wilayah LLM (Tengah, Utara, Selatan dan Timur) serta sokongan Bahagian Ukur Bahan dan Kontrak LLM.

c. Pembangunan poin pengecas pantas kenderaan elektrik (EV) bagi menyokong peralihan kepada mobiliti hijau;

- LLM komited untuk menjadi peneraju utama dalam merealisasikan agenda Inisiatif Hijau Negara bagi sektor infrastruktur lebuh raya. Seiring dengan evolusi teknologi lebuh raya pintar, LLM turut memacu kelestarian infrastruktur melalui perluasan rangkaian Stesen Pengecas Kenderaan Elektrik (EVCS).
- Kini, LLM memfokuskan sepenuhnya kepada pemasangan Pengecas Pantas Arus Terus (*DC Fast Charger - DCFC*) berkapasiti tinggi di kawasan Rehat & Rawat (R&R) dan Hentian Sebelah. Teknologi ini membolehkan kenderaan dicaj dalam tempoh yang singkat sekaligus memastikan kadar pusingan ruang parkir yang efisien.
- Sebagai rekod pencapaian semasa, terdapat **144 poin** pengecas pantas (DCFC) yang telah beroperasi sepenuhnya di beberapa lokasi strategik lebuh raya. Melangkah ke tahun 2026, LLM telah menetapkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) untuk membangunkan **50 poin** pengecas pantas baharu di seluruh jajaran

lebu h raya. Disamping itu juga, terdapat penambahan **68 lagi poin** pengecas pantas di Mini RSA Pedas Arah Selatan yang akan dibangunkan pada tahun ini.

d. Peningkatan penggunaan kecerdasan buatan (AI) dan teknologi *Smart Highway* dalam operasi lebu h raya;

- LLM akan menjadi pemangkin untuk peralihan dan revolusi industri lebu h raya di Malaysia ke arah pengurusan pintar melalui integrasi strategik Kecerdasan Buatan (AI) serta peralihan paradigma daripada penyelenggaraan reaktif tradisional kepada pendekatan proaktif dan prediktif.
- Antara langkah yang sedang diperincikan untuk dilaksanakan adalah mengintegrasikan AI dengan sistem sedia ada iaitu *Expressway Performance Indicator (EPI)* dan *Traffic Management Centre (TMC)* di LLM. AI akan membolehkan ramalan penyelenggaraan (*predictive maintenance*) dan pengurusan trafik secara *real-time*.
- Selain daripada aspek penyelenggaraan infrastruktur, integrasi AI turut merevolusikan sistem pemantauan trafik secara dinamik melalui penggunaan analitik video pintar bagi mengesan anomali seperti kemalangan, kenderaan berhenti (rosak), atau objek asing di atas lebu h raya dengan pantas. Keupayaan ini membolehkan pusat kawalan trafik (TMC) menyalurkan

maklumat tepat kepada pengguna melalui Variable Message Sign (VMS) dan aplikasi pintar, sekali gus mempercepatkan respon kecemasan dan meminimumkan risiko kemalangan susulan.

e. Menaik taraf kemudahan di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) agar lebih selesa, inklusif dan mampan.

- LLM telah memberi penekanan terhadap pelaksanaan kerja-kerja pembaikpulihan kemudahan sedia ada, penambahan kemudahan baharu serta pelaksanaan kerja naik taraf secara menyeluruh terhadap fasiliti yang disediakan kepada pengguna.
- Perancangan dan pelaksanaan kerja naik taraf adalah berdasarkan kepada keperluan semasa dengan mengambil kira peningkatan jumlah trafik serta keperluan pengguna yang semakin berkembang. Selain itu, pelaksanaan inisiatif ini turut menyokong dasar dan aspirasi Kerajaan, termasuk penerapan elemen teknologi hijau dan amalan pembangunan mampan dalam pelaksanaan projek penambahbaikan kemudahan lebuh raya.
- Pada tahun 2025, pelaksanaan kerja pembaikpulihan dan naik taraf telah melibatkan sebanyak 40 lokasi secara keseluruhan. Antara lokasi yang terlibat dalam kerja pembaikpulihan ialah Plaza Tol Gurun di Lebuhraya Utara-

Selatan, Hentian Sebelah Lagong di Lebuhraya Koridor Guthrie serta Plaza Tol Kuala Terengganu di Lebuhraya Pantai Timur.

- Bagi kerja-kerja menaik taraf kemudahan sedia ada, antara lokasi yang terlibat termasuk Hentian Sebelah Tanjung Malim (Arah Utara) dan Hentian Sebelah Sungai Buloh (Arah Selatan) di Lebuhraya Utara-Selatan.

iii. **Mencapai Taraf Piawaian Antarabangsa**

LLM komited untuk mencapai piawaian antarabangsa dalam pengurusan lebuh raya melalui penggunaan teknologi terkini dalam aspek operasi dan penyelenggaraan. Langkah ini akan meningkatkan kecekapan sistem penyampaian serta memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna lebuh raya sentiasa terjamin.

iv. **Reformasi Dan Pemerksaan Fungsi LLM**

Kita juga akan memberi tumpuan kepada reformasi organisasi dan pemerksaan fungsi LLM dengan memberi keutamaan kepada penyelesaian isu-isu legasi secara strategik.

Pendekatan ini penting bagi memperkukuh peranan LLM sebagai badan pengawalselia lebuh raya yang cekap, telus dan berkesan.

Sepertimana pihak tuan sedia maklum, LLM mempunyai beban keberhutangan sejumlah RM767 juta melibatkan pinjaman Kerajaan yang digunakan untuk tujuan pembinaan Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak, Jambatan Pulau Pinang dan sebahagian Lebuhraya Utara-Selatan. Walau bagaimanapun, semasa Dasar Penswastaan Negara dilaksanakan, ketiga-tiga lebuhraya tersebut telah diserahkan kepada Kerajaan bagi tujuan penswastaan untuk dikendalikan oleh syarikat konsesi Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad (PLUS). Namun, sehingga kini baki pinjaman bagi projek-projek tersebut masih kekal dalam rekod kewangan LLM.

Walaupun, LLM telah mengemukakan Permohonan Hapuskira Sebahagian Pinjaman Kerajaan berjumlah RM385 juta dan Penstrukturan Semula Baki Pinjaman Kerajaan berjumlah RM382.38 juta kepada MOF pada 22 Februari 2024 dan 1 Ogos 2025.

Isu legasi ini perlu diselesaikan dengan segera dan teliti bagi memastikan pengoperasian LLM kekal kukuh dan mampan.

v. **Memperkasa Kerjasama Dan Hubungan Antara Agensi**

Saya juga menyeru agar kita terus memperkukuh kerjasama strategik dengan pelbagai pihak termasuk agensi Kerajaan, syarikat konsesi, institusi pendidikan tinggi serta pihak berkepentingan. Kerjasama ini akan menjadi pemangkin kepada peningkatan kecekapan, inovasi serta keberkesanan

dalam pembangunan dan pengurusan lebuh raya negara. Bagi memperkukuh hubungan baik dengan semua pihak ini, LLM mengamalkan Dasar pintu terbuka untuk perbincangan bagi sebarang isu melibatkan pegawai LLM, syarikat konsesi atau agensi, tanpa mengabaikan obligasi dan tanggungjawab di dalam perjanjian konsesi. Kepentingan semua pihak perlu menjadi keutamaan bagi memastikan industri lebuh raya bertol ini kekal harmoni.

vi. **Memantapkan Tadbir Urus Dan Peningkatan Kompetensi**

Dalam memastikan organisasi terus unggul, LLM akan menitikberatkan pematuhan kepada prinsip tatakelola yang baik serta integriti yang tinggi, selaras dengan kerangka Malaysia MADANI. Pada masa yang sama, pembangunan kompetensi warga kerja akan terus dipertingkatkan melalui latihan dan pembangunan profesional yang berterusan. Semua pegawai adalah digalakkan untuk mendapatkan pentauliahahan professional, *Master*, serta latihan intensif yang berfokus untuk membina kepakaran bidang masing-masing.

vii. **Kemampuan Pengurusan Kewangan LLM**

Pengurusan kewangan yang cekap, telus dan berhemah akan terus menjadi keutamaan bagi memastikan LLM kekal sebagai institusi yang kukuh dan mampan. Dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu, setiap perbelanjaan perlu dirancang dengan lebih strategik dan berimpak tinggi demi menjamin kelangsungan organisasi.

Pada tahun **2025**, keseluruhan pendapatan adalah berjumlah **RM79.62 juta** berbanding **RM87.52 juta** pada tahun **2024**. Penurunan pendapatan yang ketara pada tahun 2025 adalah disebabkan oleh **pengurangan hasil daripada paparan iklan, hasil pembangunan tepi lebuhraya, serta penurunan keuntungan daripada simpanan tetap.**

Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PK 2.19, Mekanisme Kawalan Pengurusan Projek Pembangunan Fizikal Kerajaan Persekutuan, pada tahun 2022 hingga 2025, LLM telah memulangkan baki peruntukan pembangunan kepada kerajaan berjumlah **RM331 juta** kerana tujuan penyaluran peruntukan telah selesai.

Berdasarkan rekod perbelanjaan LLM pada tahun 2024, LLM telah membelanjakan sejumlah **RM 7 juta** bagi menanggung kos perubatan melibatkan pegawai LLM. Ini merupakan kos yang paling tinggi dan perlu dikawal. Oleh itu, saya ingin menasihatkan semua pegawai LLM supaya menjaga kesihatan diri dan mengamalkan gaya hidup sihat supaya kos perubatan ini dapat dikurangkan dan boleh dibelanjakan untuk aktiviti dan program sosial yang lain.

Hadirin sekalian,

Sebagaimana kita sedia maklum, kita juga dalam usaha untuk menjana pendapatan dengan kuasa yang diberikan berdasarkan pindaan Rang Undang-Undang LLM, Akta

Lembaga Lebuh Raya (Pemerbadanan) (Pindaan) 2024 [Akta A1710] seperti untuk mengenakan fi dan caj bagi perkhidmatan yang diberikan oleh LLM serta menubuhkan sebuah anak syarikat.

Pada masa ini, permohonan berhubung cadangan penubuhan anak syarikat masih berada di peringkat pertimbangan dan kelulusan Kementerian Kewangan (MOF).

Sebagai langkah susulan, satu sesi kunjungan hormat telah diadakan pada 2 Mac 2026 bagi memberikan penerangan terperinci mengenai cadangan tersebut. Dalam masa yang sama, LLM sedang dalam proses menyediakan maklumat tambahan yang telah dimohon oleh pihak MOF. LLM amat menghargai sokongan penuh yang diberikan Kementerian Kerja Raya terutamanya Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KKR dalam membantu mempercepatkan proses penubuhan anak syarikat ini.

PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) TAHUN 2025

Hadirin sekalian,

12. Berdasarkan empat (4) bidang keberhasilan utama LLM pada tahun 2025, sebanyak 52 KPI dengan 114 sasaran telah ditetapkan. Secara keseluruhannya, pencapaian KPI LLM bagi tahun 2025 adalah sebanyak **97.90%**. Ini jelas menggambarkan komitmen padu dan berterusan pihak Kementerian Kerja Raya (KKR), Pengurusan dan

warga LLM dalam mengawal selia pembangunan dan pengurusan lebuhraya di Malaysia.

13. Walau bagaimanapun, secara keseluruhan, pencapaian KPI LLM bagi tahun 2025 mencatatkan sedikit penurunan iaitu sebanyak 1.48% berbanding tahun 2024 (99.38%). Sehubungan dengan itu, semua pegawai adalah diharapkan supaya lebih proaktif bagi mempertingkatkan pencapaian KPI untuk tahun 2026.

INSENTIF KEWANGAN LLM 2025

Hadirin sekalian,

14. Alhamdulillah, pada 21 April 2026 yang lalu, kita telah menyaksikan satu lagi detik bermakna dalam perjalanan organisasi ini apabila pemberian insentif LLM telah disalurkan kepada semua warga. Insentif ini bukan sekadar ganjaran berbentuk material, tetapi merupakan simbol penghargaan terhadap usaha, komitmen dan prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan oleh setiap daripada kita.
15. Saya percaya bahawa penghargaan seperti ini mampu menjadi pemangkin motivasi kepada kita semua. Ia bukan sahaja mengiktiraf kejayaan yang telah dicapai, malah menjadi dorongan untuk kita memperbaiki kelemahan (kehadiran, cuti sakit), meningkatkan produktiviti, dan terus berinovasi dalam setiap aspek kerja.

16. Marilah kita bersama-sama menjadikan insentif ini sebagai satu titik tolak untuk memperkukuhkan azam, mempertingkatkan prestasi, dan mengekalkan kecemerlangan organisasi.

CADANGAN PENYUSUNAN SEMULA ORGANISASI LLM 2025

17. Untuk makluman tuan/puan, LLM telah dimaklumkan mengenai keputusan cadangan penyusunan semula organisasi LLM bagi tahun 2025 yang telah diperakukan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Bagi Mengkaji Jawatan-Jawatan Tingkatan Tertinggi (JKTT), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui surat bertarikh 23 Februari 2026.
18. Daripada keseluruhan 51 jawatan yang dipohon, hanya 10 jawatan telah diluluskan, iaitu sebanyak enam (6) jawatan kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P) serta empat (4) jawatan kumpulan pelaksana. Selain itu, terdapat tiga (3) bahagian/unit baharu yang telah diluluskan, iaitu Bahagian Komersial, Bahagian Sistem Pengangkutan Pintar dan Unit Integriti. Saya juga telah mengeluarkan surat pertukaran Pengarah Bahagian yang akan berkuat kuasa pada 11 Mei 2026.
19. Dalam masa yang sama, LLM juga akan mengemukakan surat rayuan berhubung cadangan penyusunan semula organisasi bagi jawatan-jawatan lain yang akan dikenal pasti dalam tempoh terdekat. Saya sendiri juga telah berjumpa secara bersemuka dengan Tan Sri Ketua Setiausaha Negara untuk berbincang berkenaan rayuan tersebut pada 16 April 2026 yang lalu.

KRISIS GLOBAL ASIA BARAT

Hadirin sekalian,

20. Kita tidak boleh menafikan bahawa landskap global kini semakin mencabar. Krisis yang berlaku di Asia Barat telah memberi kesan kepada ekonomi dunia, termasuk peningkatan kos bahan api, rangkaian bekalan dan kos bahan binaan. Perkembangan ini secara tidak langsung memberi implikasi kepada operasi dan pembangunan lebuhraya negara. Justeru, kita perlu lebih bersedia, tangkas dan berstrategi dalam menghadapi sebarang ketidakpastian.
21. Sepertimana saranan YB Menteri Kerja Raya semasa Majlis Perhimpunan Bulanan Kementerian Kerja Raya Bulan April 2026 yang lalu, kita perlu melakukan anjakan paradigma dalam cara kita berfikir, merancang dan melaksanakan peranan kita sebagai peneraju pembangunan infrastruktur negara.
22. Transformasi KKR bukan lagi satu pilihan, tetapi satu keperluan mendesak. Keupayaan kita mengurus kos projek, mempercepat penyampaian, melindungi daya tahan kontraktor dan memastikan kesinambungan pembangunan akan menentukan sejauh mana negara mampu menyesuaikan diri dalam landskap global yang tidak menentu ini.
23. YB Menteri juga menyeru semua agensi termasuk LLM untuk memastikan pengurusan aliran tunai projek diberi perhatian serius dengan mempercepat pemprosesan tuntutan, pengesahan kerja

serta bayaran kepada kontraktor agar tidak berlaku kelewatan yang boleh menjejaskan rantaian industri pembinaan.

24. Selaras dengan transformasi KKR, kita perlu mengamalkan pendekatan yang lebih proaktif dan inovatif dengan memanfaatkan teknologi, mempercepat penyampaian projek serta memastikan setiap perbelanjaan memberi impak maksimum kepada rakyat. Kita juga perlu mempergiat penggunaan teknologi pembinaan moden seperti IBS, BIM, prefabrikasi serta pemantauan digital bagi meningkatkan produktiviti, mengurangkan pembaziran dan mempercepat tempoh pelaksanaan projek.

PELAKSANAAN BEKERJA DARI RUMAH (BDR)

Hadirin sekalian,

25. Selain itu, berikutan konflik yang berlaku di Asia Barat juga, Kerajaan telah bersetuju supaya pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan untuk melaksanakan Bekerja Dari Rumah (BDR) secara berperingkat sebagai langkah strategik negara dalam memperkukuh kesiapsiagaan mendepani krisis tenaga global berkuatkuasa pada 15 April 2026.
26. Pendekatan kerja yang lebih fleksibel termasuk amalan BDR akan terus diperkasa secara terancang, khususnya bagi fungsi-fungsi yang bersesuaian. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan keseimbangan kerja dan kehidupan warga kerja, malah mampu menyumbang kepada peningkatan produktiviti, kecekapan operasi

serta kesiapsiagaan organisasi dalam menghadapi situasi luar jangka.

27. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan juga supaya semua warga LLM yang terlibat dengan pelaksanaan BDR ini untuk mematuhi arahan dan peraturan yang telah ditetapkan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (PPSM) Ceraian SR.4.1.2: Dasar Bekerja dari Rumah (BDR) yang telah memperuntukkan dasar, syarat dan peraturan BDR.
28. Antara peraturan yang perlu dipatuhi adalah:
 - i. Tempat bekerja pegawai semasa BDR ialah rumah yang didaftarkan dalam Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) sahaja;
 - ii. Pegawai dikehendaki menggunakan SPOT-Me yang membolehkan perekodan kehadiran pegawai melalui fungsi geolokasi pada peranti mudah alih dari rumah; dan
 - iii. Pegawai hendaklah mendaftar masuk dalam SPOT-Me setiap satu (1) jam dan Ketua Jabatan hendaklah memantau keberadaan pegawai.
29. Oleh itu, saya memohon semua Pengarah Bahagian serta Ketua Unit untuk mengenalpasti output bagi setiap pegawai yang BDR dan menyemak serta mengesahkan secara berkala sasaran kerja dan output yang telah ditetapkan.

TURUN PADANG (TURPA)

Hadirin sekalian,

30. Saya juga mahu budaya turun padang terus diperkasa.
31. Kepimpinan yang baik bukan hanya berada di pejabat, tetapi turun melihat sendiri realiti di lapangan.
32. Melalui pendekatan TURPA, kita dapat mengenal pasti isu lebih cepat, membuat keputusan lebih tepat dan menyelesaikan masalah dengan lebih berkesan.
33. Saya mahu warga LLM menjadi organisasi yang dekat dengan rakyat, dekat dengan pengguna lebuhraya dan dekat dengan realiti semasa.
34. Aktiviti TURPA ini akan dilaporkan di peringkat KKR selaras dengan arahan YBhg. Dato' Seri Ketua Setiausaha KKR, agar setiap tindakan pembaikan / tindakan susulan (follow-up) dan pelaksanaan berterusan (follow-through), dapat diwar-warkan kepada umum bagi meningkatkan kesedaran rakyat terhadap usaha serta komitmen Kementerian dan Agensi, di samping memastikan maklumat yang tepat dan terkini disampaikan kepada orang ramai.
35. Oleh itu, saya menyeru kepada semua terutamanya Pejabat-Pejabat Wilayah dan bahagian yang terlibat agar pendekatan turun padang atau TURPA akan terus diperkasa sebagai antara kaedah utama pemantauan dan penyampaian perkhidmatan.

HARAPAN KEPADA WARGA LLM

36. Saya ingin menegaskan bahawa kejayaan organisasi ini bukan terletak pada Ketua Pengarah semata-mata.
37. Kejayaan LLM bergantung kepada seluruh warganya — daripada pengurusan tertinggi, pegawai, kakitangan sokongan, petugas lapangan hinggalah setiap individu yang menjalankan amanah masing-masing.
38. Setiap seorang adalah penting. Setiap tugas memberi makna.
39. Oleh itu, marilah kita buang budaya silo, elakkan bekerja secara berasingan, dan bergerak sebagai **One LLM Team**.
40. Saling membantu.
Saling menghormati.
Saling mempercayai.
Dan saling mengangkat antara satu sama lain.

PENUTUP

41. Akhir kata, saya menyeru seluruh warga LLM agar terus berganding bahu, memperkukuh semangat kerja berpasukan dan melaksanakan amanah dengan penuh integriti serta profesionalisme.
42. Saya percaya, dengan pengalaman yang kita ada, dengan kepakaran yang kita miliki dan dengan semangat yang kita bawa bersama, tiada apa yang mustahil untuk dicapai.

43. Marilah kita bersama-sama membina sebuah LLM yang moden, progresif, berprestasi tinggi, diyakini rakyat dan dihormati negara.
44. Insya-Allah, masa depan LLM akan menjadi lebih cemerlang jika kita bergerak bersama sebagai satu pasukan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi taufik walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.